

## AMALAN USRAH MENURUT PERSEPSI PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA

**Khazri Osman<sup>1</sup>, Ahmad Irdha Mokhtar<sup>2</sup>, Amiza Khusyri Yusuf<sup>3</sup> & Nur Syahida Ishak<sup>4</sup>**

*Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>1,2</sup>*

*Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri<sup>3</sup>*

*SMK Dusun Nanding<sup>4</sup>*

*khazri@ukm.edu.my<sup>1</sup>, irdha@ukm.edu.my<sup>2</sup>, amizakhusyri@gmail.com<sup>3</sup>, & syahida280394@gmail.com<sup>4</sup>*

### ABSTRACT

*Usrah is an educational activity to shape teenagers' morals, carried out at least once every month in all Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) and Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) with or without hostels. Despite this, this program has challenges because some studies found its implementation less effective. Therefore, this study analyzed the perception of usrah according to students in religious secondary schools. This quantitative study uses a survey research design and a questionnaire distributed to 280 respondents to obtain data. The study results found that the usrah statement should be made only around the school area, which received the lowest mean, which is 2.46, while the information of each usrah topic should be linked to the current issue, which got the highest value of 4.40. In conclusion, the school needs to take proactive steps to make usrah an exciting activity that can stimulate and maintain students' determination to participate in usrah. Usrah modules suitable for each level should include faith, morals, Sirah, etc. The Malaysian Ministry of Education can also use the results of this study to strengthen the existing SUMUR program.*

**Keywords:** *Usrah, implementation, students, religious secondary school*

### ABSTRAK

Usrah merupakan aktiviti tarbiah bagi membentuk akhlak remaja yang dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap bulan di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mempunyai asrama atau tiada asrama. Walaupun demikian, program ini mempunyai cabarannya kerana ada kajian yang mendapati pelaksanaannya kurang berkesan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menganalisis persepsi usrah menurut pelajar di sekolah menengah agama. Kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 280 orang responden bagi mendapatkan data. Hasil kajian mendapati pernyataan usrah perlu dilakukan di sekitar kawasan sekolah sahaja yang memperoleh min terendah, iaitu 2.46, manakala pernyataan setiap topik usrah perlu dikaitkan dengan isu semasa mendapat nilai yang tertinggi, iaitu 4.40. Kesimpulannya, pihak sekolah perlu mengambil langkah proaktif untuk menjadikan usrah sebagai aktiviti yang menarik yang mampu merangsang dan mengekalkan kesungguhan pelajar untuk menyertai usrah. Selain isu semasa, modul usrah yang sesuai untuk setiap tingkatan seharusnya merangkumi topik seperti akidah, akhlak, sirah dan sebagainya. Hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengukuhkan program SUMUR yang sedia ada.

**Kata Kunci:** Usrah, pelaksanaan, pelajar, sekolah menengah agama

## **PENGENALAN**

Dari segi bahasa usrah bermaksud perkumpulan yang melibatkan kegiatan agama seperti perbincangan tentang sesuatu tajuk agama dan sebagainya (Kamus Dewan 2005). Usrah berasal dari kalimah Arab yang bermaksud keluarga. Hubungan akrab yang terjalin antara ahli usrah menjadikan mereka seumpama satu keluarga. Matlamat usrah adalah untuk mewujudkan suasana yang baik yang membantu individu maju dari segi mental, moral, dan fizikal tanpa sebarang halangan yang menghalangnya. Usrah memerlukan ketua atau disebut sebagai naqib bagi memberikan bimbingan dari segi ilmu dan akhlak (Ala' Muhammad Abd-Nabiy 2011).

Selepas tahun 1900, istilah usrah sering dikaitkan dengan gerakan Ikhwan Muslimun. Konsep usrah yang diperkenalkan dalam gerakan ini berpandangan bahawa pendidikan Islam perlu diasaskan atas rasa persaudaraan yang utuh, kebersamaan dan kepedulian sesama anggota selain bersedia menghadapi penderitaan secara bersama. Usrah memerlukan tiga asas yang penting, yakni saling mengenali, saling memahami dan saling membantu. Pembentukan kumpulan usrah adalah untuk meningkatkan usaha meneladani sesuatu yang baik dan meneguhkan persaudaraan. Umat Islam diibaratkan sebagai batu-bata dalam sebuah bangunan yang bernama Islam. Dalam usrah, anggota Ikhwan Muslimun mengadakan pertemuan secara mingguan berbincang tentang permasalahan yang dihadapi dalam gerakan dan masyarakat serta kaedah menyelesaikannya. Mereka turut membahaskan persoalan yang berkaitan dengan Islam dan mengupas buku tertentu. Pendekatan ini kemudiannya diterapkan dalam pendidikan Islam di sekolah dengan nama *mentoring* (Yunizar Ramadhani 2021).

## **PELAKSANAAN USRAH DI SEKOLAH**

Pelbagai pendekatan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menghasilkan modal insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat (Zurina Mustaffa et al. 2021). Meneliti masalah akhlak yang dialami oleh segelintir umat Islam pada hari ini dilihat semakin hari semakin merudum, seolah-olah dunia kini berada pada ambang akhir zaman. Berita dalam media elektronik dan media bercetak sering menyiarkan masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat (Fatimah Az-Zaharah Mazlan et al. 2021). Usrah yang dimasukkan dalam salah satu aktiviti menerusi program Sahsiah Unggul Murid atau SUMUR, wajib dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap bulan di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mempunyai asrama atau tiada asrama. Pihak sekolah perlu menubuhkan satu badan contohnya Badan Dakwah dan Kerohanian (BADAR/BDK) untuk menguruskan program usrah ini. Menurut Muhammad Nordin, salah satu tujuan pelaksanaan usrah adalah untuk mewujudkan keperibadian Islam yang bersepadu iaitu melalui pembinaan akidah yang benar dan ibadat yang mematuhi syariat Allah SWT, agar menghasilkan ahli yang memiliki akhlak yang terpuji bertepatan dengan yang dianjurkan oleh Al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Pewujudan usrah di sekolah khususnya sekolah agama adalah amat mustahak. Hal ini disebabkan sekolah merupakan institusi yang paling sesuai dan mudah untuk menghimpunkan pelajar bagi pelaksanaan aktiviti tarbiah. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan aktiviti dan program tarbiah bagi para pelajar perlu dirancang, disusun dan dilaksanakan secara sistematik agar matlamat pelaksanaannya dapat direalisasikan (Norafidah Gordani 2017). Pelaksanaan aktiviti usrah di sekolah agama kerajaan dan swasta merupakan platform yang penting dalam usaha membentuk akhlak remaja kerana kaedah ini berjaya mempengaruhi akhlak mereka. Sukatan usrah yang disusun dengan kemas yang menekankan kepentingan sifat mahmudah amat penting untuk ditekankan kepada remaja yang terjebak dengan perbuatan *couple* untuk

memberikan kesedaran kepada mereka tentang kepentingan menjaga batasan. Sukatan usrah yang menekankan tentang kepentingan menjaga tingkah laku apabila berhadapan dengan individu berlainan jantina dan memandang tinggi terhadap maruah diri, keluarga serta agama berupaya meningkatkan kekuatan dalaman remaja secara sistematik. Pelaksanaan program usrah yang sangat memberikan penekanan terhadap kepentingan berakhlak mulia mampu meningkatkan kekuatan dalaman remaja khususnya akhlak dan jati diri (Nur Khairunnisa Hodzori et al. 2020).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Hasil kajian oleh Mohd Ismail Mustari & Salini Mohd Salleh (2009) mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap keberkesanan program usrah adalah tinggi. Walau bagaimanapun, masih ada responden yang berpandangan negatif terhadap program usrah lantaran kekurangan kesedaran tentang kepentingan usrah, walaupun usrah bukanlah kaedah tarbiah yang baru muncul pada zaman moden ini. Nabi Muhammad SAW telah mengadakan usrah pada zaman awal dakwah, cuma nama usrah itu belum digunakan. Di samping itu juga, ada juga yang berpandangan bahawa pengisian usrah adalah kurang menarik minat mereka. antara faktornya termasuklah pendekatan yang diamalkan oleh *naqib* dan *naqibah*. Meskipun demikian, usrah yang dijalankan di sekolah berasrama penuh seperti KISAS mendapat respons yang baik daripada pelajar, bahkan majoriti pelajar berpendapat bahawa program ini berjaya membentuk akhlak terpuji, serta meningkatkan ilmu dan iman kepada Allah SWT. Program ini juga menyedarkan Muslim tentang tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai hamba Allah SWT. Hasil kajian juga mendapati para pelajar berpuas hati dengan peranan *naqib* dan *naqibah* kerana komitmen yang ditunjukkan. Di sebalik persepsi yang positif ini, usrah juga ada cabarannya, termasuklah kekangan waktu untuk mengadakan usrah disebabkan pertembungan dengan aktiviti yang lain. Mohd Suhardi Mat Jusoh (2015) pula mendapati usrah yang dilaksanakan untuk pelajar asrama di SMKA di Pulau Pinang sebagai salah satu program ilmu, kurang berkesan disebabkan oleh faktor masa dan kemampuan *naqib* yang mengendalikan usrah. Bahan yang digunakan untuk perbincangan dalam usrah juga tidak berpandukan *manhaj* usrah yang sebenar. Hal ini bukanlah sesuatu yang janggal kerana dalam kajian oleh Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Don (2017) turut mempunyai dapatan yang hampir sama. Menurut pengkaji, persepsi pelajar terhadap sukatan usrah adalah berada pada tahap sederhana. Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa objektif pelaksanaan usrah belum tercapai sepenuhnya iaitu mewujudkan ukhuwah dalam usrah, sedangkan usrah merupakan salah satu platform dalam menyatukan ukhuwah antara sesama pelajar. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, didapati bahawa beberapa aspek dalam pelaksanaan usrah memerlukan kajian lanjut. Oleh yang demikian, persepsi pelajar sekolah menengah agama terhadap pelaksanaan usrah wajar dikaji untuk penambahbaikan kaedah tarbiah ini. Hasil kajian ini dijangka dapat membantu pihak sekolah mengukuhkan pelaksanaan usrah dari sudut kualiti *naqib*, kandungan dan cara pengendalian usrah.

## TINJAUAN LITERATUR

Pengkaji terdahulu telah melakukan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan usrah di sekolah. Antaranya termasuklah kajian kuantitatif oleh Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Don (2017). Kajian yang dilakukan di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyah Darul Iman, Tok Jiring mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap sukatan usrah adalah pada tahap sederhana. Penambahbaikan perlu dilakukan dari masa ke semasa, kerana perubahan zaman dan kemajuan teknologi merentasi sempadan hari ini memerlukan kepada usaha yang lebih gigih dan pendekatan yang lebih bersifat semasa. Usrah yang diletakkan di bawah program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR), juga telah

dikaji oleh Khaled Mat (2018). Dalam tesis doktor falsafah ini, pengkaji mendapati bahawa pelaksanaan aspek-aspek modul SUMUR adalah tinggi dengan nilai min antara 3.71 hingga 4.64, khususnya bagi aspek pemakaian, adab sopan, solat berkualiti, hormat menghormati, dan mengenang dan menghargai budi. Dapatan juga menunjukkan adanya perbezaan yang signifikan pelaksanaan aspek-aspek modul SUMUR berdasarkan jantina, jawatan pelajar, tempat tinggal pelajar, aliran pendidikan pelajar, tempat tinggal keluarga, pendapatan bulanan keluarga dan tahap pendidikan keluarga. Selain itu, pengkaji turut menjalankan temu bual dengan 10 orang peserta kajian yang terdiri daripada Penasihat Badan Agama Dakwah dan Rohani (BADAR) dan Penyelaras SUMUR. Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan aspek-aspek dalam modul SUMUR adalah kerap dan banyak mempengaruhi pembangunan sahsiah pelajar, terutamanya aspek pemakaian, adab sopan dan solat berkualiti dalam program penampilan diri dan *mutadayyin*. Pelaksanaan usrah bukan sekadar dilakukan terhadap pelajar di sekolah menengah agama, tetapi turut merangkumi pelajar di institusi pengajian tinggi. Dengan penggunaan istilah yang berbeza, aktiviti usrah di IPTA tertentu dinamakan sebagai pementoreran. Dalam kajian oleh Noraini Ismail et al. (2021), mendapati bahawa pelaksanaan pementoran kerohanian Islam rakan sebaya di universiti berada pada tahap sederhana dan perlu ditambah baik. Pelaksanaannya perlu lebih menyeluruh kepada semua pelajar agar impaknya lebih besar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar sebagai subjek dakwah dan tarbiah di universiti bersetuju bahawa pementoran kerohanian Islam rakan sebaya perlu dilaksanakan di universiti dengan lebih menyeluruh kerana kaedah ini ternyata mempunyai kesan yang positif terhadap pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar.

Meskipun telah banyak kajian tentang pelaksanaan usrah dilakukan oleh pengkaji yang lalu, persepsi pelajar terhadap pelaksanaan usrah di sekolah amat diperlukan. Tambahan pula dalam kajian yang lepas ada menyatakan beberapa cabaran yang timbul sama ada dari segi *naqib*, kandungan usrah dan pengendaliannya. Persepsi pelajar terhadap usrah dapat dijadikan sebagai panduan bagi melaksanakan usrah yang lebih efektif yang boleh memenuhi harapan kerajaan dalam merealisasikan pembangunan modal insan terutamanya dari perspektif pembangunan akhlak serta keperibadian diri di samping membudayakan nilai-nilai moral dalam masyarakat. Sukatan usrah yang memberikan penekanan tentang tauhid, ibadah, akhlak dan sirah dilihat amat sesuai dilaksanakan seiring dengan usaha untuk menangani isu sosial dan sahsiah pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan mengkaji amalan usrah menurut persepsi pelajar di sekolah menengah agama. Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenal pasti min persepsi pelajar terhadap pengendalian usrah.
- b) Mengenal pasti min persepsi pelajar terhadap kesan selepas usrah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan data diperoleh menerusi soal selidik. Seramai 280 orang responden yang belajar dalam tingkatan satu hingga enam yang mengikuti usrah di sebuah sekolah agama di Negeri Sembilan dipilih daripada keseluruhan 1000 populasi. Pemilihan lokasi kajian, iaitu sebuah sekolah menengah agama di Negeri Sembilan berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh (Saiful Bahrin Abu 2021) bahawa sekolah ini ialah sekolah yang aktif dalam melaksanakan program Sahsiah Unggul Murid atau SUMUR anjuran KPM, termasuklah usrah. Pemilihan responden berdasarkan jadual pensampelan Krejcie & Morgan (1970) seperti jadual 1:

Jadual 1: Jadual Saiz Sample Krejcie dan Morgan

<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Note.—*N* is population size. *S* is sample size.

## KEPENTINGAN USRAH

Usrah mendidik jiwa ahlinya kembali kepada kehidupan beragama yang berpunca daripada amalan kerohanian yang didasarkan pada *manhaj* Islam. Bukanlah keterlaluan jika dikatakan bahawa pembentukan personaliti dan tingkah laku manusia sangat bergantung pada amalan kerohanian ini. Dalam Islam, amalan kerohanian merangkumi elemen akidah, ibadah dan akhlak. Insan yang mengamalkan Islam seharusnya menghayati aspek akidah, ibadah dan akhlak bagi membina personaliti manusiawi yang seimbang. Sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis *fitan*, manusia pada akhir zaman, termasuklah golongan remaja, semakin lalai dengan keduniaan. Ada juga yang terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral disebabkan kurang prihatin tentang hukum hakam dan tuntutan syarak. Masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja sekolah telah lama dibincangkan dan menjadi salah satu isu sosial yang penting di negara ini. Pelbagai pihak dalam setiap lapisan masyarakat memandang isu ini sebagai satu masalah yang perlu ditangani secara holistik kerana remaja merupakan generasi yang akan mewarisi negara. Jika generasi yang berwibawa gagal dibentuk maka pincanglah masa depan negara. Daripada perspektif ibu bapa dan guru pula, masalah pergaulan bebas di kalangan remaja mencerminkan kegagalan untuk melahirkan anak-anak remaja yang bakal menyumbang kepada agama, bangsa dan negara. Namun begitu, hasil kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik serta pemerhatian masyarakat sendiri mendapati cabaran dalam menangani masalah ini perlu ditangani bersama oleh semua peringkat, bukannya tertumpu kepada mana-mana individu atau agensi. Masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja semakin merunsingkan kerana kebanyakan remaja masa kini dipengaruhi

oleh rakan sebaya, kurang didikan agama dan budaya barat yang semakin menular. Situasi seperti ini terjadi disebabkan beberapa faktor serta mengakibatkan pelbagai impak negatif kepada generasi muda. Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyebab masalah pergaulan bebas dalam kalangan anak muda. Antara faktor tersebut termasuklah terpengaruh dengan cerita Hollywood yang tidak sesuai ditonton oleh remaja bawah umur 18 tahun. Kebanyakan cerita yang ditayangkan memaparkan adegan yang kurang sopan antara lelaki dan perempuan. Keadaan seperti inilah yang menyebabkan remaja yang menonton tayangan ini terpengaruh dan ingin mencubanya dengan rakan yang berlainan jantina. Selain itu, masalah pergaulan bebas agak sukar dibendung kerana kurangnya didikan agama. Remaja bergaul bebas tanpa mengira jantina, menyebabkan generasi muda yang melihatnya terpengaruh serta memberi impak negatif. Kebanyakan remaja yang bermasalah dari segi pegangan agama biasanya tidak yakin dengan adanya hukuman Tuhan. Mereka akan menyalahkan Tuhan apabila ditimpa sesuatu kesusahan dan akan keluar mencari jalan penyelesaian sendiri (Nur Najwa Solehah et al. 2019). Agama boleh dijadikan pegangan moral dalam diri remaja agar dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Orang yang mampu menjaga dan mendidik hati dapat menghindari perkara yang tidak berfaedah dan maksiat. Oleh yang demikian, bagi menangani masalah ini, antara cara yang boleh digunakan termasuklah usrah yang mempunyai peranan dan pengaruh terhadap pembangunan sosial individu.

Berdasarkan peranan usrah sebagai medium perbincangan ilmiah dan penjalin ukhuwah, dengan melazimi usrah pelajar dapat meningkatkan ilmu pengetahuan sama ada duniawi mahupun ukhrawi (Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil 2022). Selain itu, usrah dapat mendidik hati ahli usrah untuk menjadi manusia yang taat kepada Allah SWT berlandaskan al-Quran dan Sunnah, mencadangkan kepada ahli usrah berakhlak dengan akhlak al-Quran agar dapat mematuhi perintah dan larangan Allah SWT serta menjadikan Nabi SAW sebagai *qudwah* dalam kehidupan serta membentuk ahli usrah yang mementingkan ukhuwah sesama ahli, berkasih sayang melalui budaya saling menasihati, menanamkan semangat cinta akan Allah SWT serta meningkatkan motivasi (Idris Ahmad 2005). Minat terhadap usrah menjadi faktor utama yang dapat menarik penglibatan ahli. Fenomena yang sama berlaku dalam pembelajaran kerana minat ialah elemen utama yang mendorong individu bermotivasi meneruskan usaha memahami dan mempelajari sesuatu sekali gus menentukan keberhasilan dan pencapaian pelajar. Antara faktor yang mempengaruhi minat termasuklah guru, rakan-rakan, suasana pengajian dan matlamat pembelajaran (Hasmiza Yaakob et al. 2023). Berdasarkan pendapat ini, maka usrah yang efektif hendaklah mengambil kira aspek seperti naqib, ahli, suasana usrah dan matlamat usrah.

## **PERBINCANGAN DAN ANALISIS**

Set soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian A yang mengandungi demografi responden, seterusnya bahagian B, C dan D. Untuk bahagian A dalam set soal selidik, bilangan responden adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2:

Jadual 2: Taburan Bilangan dan Peratus Responden mengikut Jantina

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Lelaki	105	37.5%
Perempuan	175	62.5%
Jumlah	280	100%

Pelajar yang mengikuti usrah di peringkat sekolah merupakan responden untuk kajian ini. Taburan responden mengikut umur adalah seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3: Taburan Umur Responden

Umur	Kekerapan	Peratusan
13	35	12.5%
14	61	21.8%
15	73	26.1%
16	56	20.0%
17	55	19.6%
Jumlah	280	100%

Responden perlu menjawab soal selidik berdasarkan tahap persetujuan mereka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4:

Jadual 4: Skor Skala Likert

Pernyataan	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju	5

Nilai skor min yang diperolehi daripada setiap item menentukan tahap berdasarkan julat min seperti yang dijelaskan dalam Jadual 5:

Jadual 5: Nilai Skor Min

Skor Min	Kekerapan
1.0 hingga 1.8	Sangat rendah
1.9 hingga 2.6	Rendah
2.7 hingga 3.4	Sederhana
3.5 hingga 4.2	Tinggi
4.3 hingga 5.0	Sangat tinggi

Dalam bahagian B, soal selidik mengandungi item yang berkaitan pengendalian usrah, sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 6:

Jadual 5: Persepsi Pelajar Terhadap Pengendalian Usrah

No.	Item	STT	TS	TP	S	SS	Min
B1	Usrah wajar di masukkan dalam aktiviti kokurikulum	4 (1.4%)	10 (3.6%)	37 (13.2%)	102 (36.2%)	127 (45.4%)	4.21

No.	Item	STT	TS	TP	S	SS	Min
B5	Keanggotaan usrah wajar dibentuk mengikut tingkatan masing-masing	27 (9.6%)	71 (25.4%)	52 (18.6%)	45 (16.1%)	85 (30.4%)	3.32
B4	Tempoh usrah yang sesuai adalah antara 60-90 minit	19 (6.8%)	47 (16.8%)	81 (28.9%)	95 (33.9%)	38 (13.6%)	3.31
B2	Setiap kumpulan usrah perlu menggabungkan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan	91 (32.5%)	52 (18.6%)	50 (17.9%)	60 (21.4%)	27 (9.6%)	2.57
B3	Usrah perlu dilakukan di sekitar kawasan sekolah sahaja	57 (20.4%)	123 (43.9%)	40 (14.3%)	34 (12.1%)	26 (9.3%)	2.46

Petunjuk: Sangat Tidak Setuju (STT), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S), Sangat Setuju (SS)

Item B1 *usrah wajar di masukkan dalam aktiviti kokurikulum* memperoleh nilai min yang tertinggi, iaitu 4.21. Dari segi amalannya, ada sekolah yang tidak memasukkan usrah sebagai aktiviti kokurikulum. Memasukkan usrah dalam aktiviti kokurikulum adalah penting kerana menurut (Nur Munirah Roslan & Mohamad Shukri 2022), melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, pelajar dapat mengembangkan potensi diri dan minat mereka dengan lebih baik. Mereka berkemampuan mengembangkan kecekapan dan kemahiran insaniah dalam mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi kehidupan dunia yang mencabar. Item B3 *usrah perlu dilakukan di sekitar kawasan sekolah sahaja* mendapat nilai min yang terendah, iaitu 2.46. Hal ini menunjukkan pihak sekolah perlu memikirkan lokasi-lokasi lain yang strategik untuk mengadakan usrah, seperti di taman rekreasi, restoran, tempat beriadah dan sebagainya. Walaupun mengadakan usrah di luar kawasan sekolah adalah cadangan yang baik, aspek keselamatan pelajar hendaklah diutamakan. Item B2 *setiap kumpulan usrah perlu menggabungkan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan* juga menarik untuk dianalisis. Dapatan dengan nilai min 2.57 menunjukkan pelajar menyukai kumpulan usrah yang memisahkan antara pelajar lelaki dengan perempuan. Untuk sekolah agama, hal ini memang sepatutnya diamalkan. Hal ini demikian kerana kumpulan usrah yang menggabungkan antara pelajar lelaki dengan perempuan memungkinkan berlakunya pergaulan yang agak bebas, walaupun di bawah kawalan naqib atau guru. Pengelakan percampuran antara lelaki dengan perempuan dalam usrah merupakan tindakan *sadd al-zarai'* atau menutup, menyekat dan menghalang jalan yang menyebabkan kerosakan. Walaupun pada asalnya jalan atau punca sesuatu perbuatan itu diharuskan, tetapi jika didapati boleh menyebabkan kejahatan dan kerosakan, maka wajarlah diharamkan dan ditegah (Maad Ahmad et al. 2022).

Seterusnya dalam bahagian C, soal selidik mengandungi item yang berkaitan pengendalian usrah, sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 7:



Jadual 7: Persepsi Pelajar Terhadap Kandungan Usrah

No.	Item	STT	TS	TP	S	SS	Min
C4	Setiap topik usrah perlu dikaitkan dengan isu semasa	1 (4%)	3 (1.1%)	20 (7.1%)	114 (40.7%)	142 (50.7%)	4.40
C2	Ahli usrah perlu melalui tahap tertentu bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima	4 (1.4%)	15 (5.4%)	51 (18.2%)	125 (44.6%)	85 (30.4%)	3.97
C1	Usrah perlu memiliki satu modul khusus	12 (4.3%)	17 (6.1%)	56 (20%)	106 (37.9%)	89 (31.8%)	3.87
C3	Semua topik iaitu akidah, ibadah, akhlak, hadis dan sirah perlu disatukan perbincangannya dalam setiap tajuk	5 (1.8%)	19 (6.8%)	72 (25.7%)	101 (36.1%)	83 (29.6%)	3.85
C5	Naqib/naqibah perlu memberikan tugas kepada ahli usrah untuk dibincangkan pada usrah berikutnya	12 (4.3%)	22 (7.9%)	58 (20.7%)	130 (46.4%)	58 (20.7%)	3.71

Petunjuk: Sangat Tidak Setuju (STT), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S), Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 7, item C4 *setiap topik usrah perlu dikaitkan dengan isu semasa* mempunyai nilai min yang tertinggi, iaitu 4.40. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar sebagai ahli usrah memerlukan pendedahan tentang isu semasa. Penekanan isu semasa dalam usrah amat penting kerana dalam kajian oleh Ahmad Faisal Mohamed Fiah, pelajar kini kurang membaca atau lebih banyak membaca bahan yang bersifat santai seperti majalah hiburan dan novel, kurang menyukai pengetahuan am, kurang meminati sejarah dan perkembangan semasa negara dan mengambil mudah terhadap isu persekitaran. Untuk pengajaran di dalam kelas, pengetahuan isu semasa sememangnya diterapkan dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menekankan pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, pemikiran kreatif dan membuat keputusan. KBAT turut melibatkan proses keupayaan minda untuk membuat penilaian terhadap sesuatu idea, meneliti ketepatan, kelemahan dan kebaikan sesuatu serta membuat pertimbangan dengan wajar seterusnya mampu menyatakan hujah yang munasabah bagi menyelesaikan masalah (Faridah Nazir 2016). Item C5 iaitu *naqib/naqibah perlu memberikan tugas kepada ahli usrah untuk dibincangkan pada usrah berikutnya* yang memiliki nilai min 3.71, menunjukkan usrah bukan sekadar berbincang tetapi turut memberikan *homework* kepada ahli. Perbincangan tentang tugas yang diberikan kepada ahli membolehkan komunikasi interpersonal berlaku dalam usrah apabila ada ahli yang membentangkan tugas serta diikuti oleh pendapat yang diberikan oleh

ahli-ahli yang lain. Sebagai permulaan, proses komunikasi interpersonal bermula apabila terdapat individu yang ingin menyampaikan maklumat atau mesej kepada individu yang lain secara lisan atau bukan lisan sama ada dengan menggunakan suara atau tulisan (Widya P.Pontoh 2013). Penerima maklumat bertindak memberikan respons bagi melancarkan komunikasi. Bagi item C2 ahli usrah perlu melalui tahap tertentu bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima yang memiliki nilai min 3.97 menunjukkan usrah hendaklah dilakukan menurut tahap atau secara *tadarruj*. Zaman remaja menyebabkan seseorang itu mengalami perubahan fizikal, emosi dan personaliti. Mereka hendaklah memahaminya dengan teliti kerana perubahan dalam hubungan mereka dengan rakan sebaya juga berlaku pada masa ini. Mereka mula menerima tanggungjawab dan pelbagai harapan yang menyebabkan kadang-kadang mereka berasa keliru (Fariza Md Sham & Zakaria Stapa 2011). Dalam Teori Erik Erikson ada menyatakan pada tahap kelima iaitu identiti lawan kekeliruan peranan. Tahap ini merupakan tahap akhir remaja iaitu remaja telah memasuki sekolah menengah. Pada tahap ini, remaja cuba untuk mewujudkan identiti diri mereka dan persepsi sendiri terhadap dunia mereka. Tahap ini juga merupakan tahap yang paling penting kerana mereka akan mengalami krisis keremajaan. Sebagai contoh, mereka akan berusaha untuk mencari identiti mereka. Jika mereka gagal mencari personaliti mereka sendiri, masalah pergaulan bebas akan terjadi (Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari et al. 2019).

Akhir sekali dalam bahagian D, soal selidik mengandungi item yang berkaitan kesan selepas usrah, sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 7:

Jadual 7: Persepsi Pelajar Kesan Selepas Usrah

No.	Item	STT	TS	TP	S	SS	Min
D3	Kenalan saya bertambah selepas mengikuti usrah	1 (0.4%)	6 (2.1%)	19 (6.8%)	111 (39.6%)	143 (51.1%)	4.39
D4	Saya berasa seronok dengan aktiviti usrah	4 (1.4%)	10 (3.6%)	37 (13.2%)	102 (36.2%)	127 (45.4%)	4.21
D1	Selepas mengikut siri usrah, saya lebih rajin menunaikan solat secara berjemaah	1 (0.1%)	4 (1.4%)	60 (21.4%)	134 (47.9%)	81 (28.9%)	4.04
D2	Selepas mengikut siri usrah, saya lebih rajin menunaikan solat sunat <i>rawatib</i>	5 (1.8%)	19 (6.8%)	72 (25.7%)	101 (36.1%)	83 (29.6%)	3.85

Petunjuk: Sangat Tidak Setuju (STT), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S), Sangat Setuju (SS)

Item yang mempunyai nilai min yang tertinggi ialah D3, iaitu *kenalan saya bertambah selepas mengikuti usrah*. Dapatan ini menunjukkan usrah dapat mencapai salah satu objektifnya iaitu taaruf, atau berkenalan. Siti Raba'ah Hamzaha et al. (2013) menukulkan bahawa pemilihan rakan, khususnya rakan sebaya amatlah penting dalam menentukan pencapaian akademik. Hal ini disebabkan kecemerlangan seseorang boleh rangsangan terhadap rakannya. Bukan sekadar itu,

hobi, minat, kegembiraan, kesejahteraan hidup serta penentuan pilihan untuk memiliki sesuatu turut dipengaruhi oleh persetujuan dan persamaan dengan rakan sebaya. Tingkah laku seseorang juga boleh dikenali menerusi rakan sekelilingnya kerana rakan sebaya boleh bertindak sebagai ejen sosialisasi dalam perkembangan. Rakan sebaya yang biasanya terdiri daripada golongan yang mempunyai persamaan dari minat, nilai dan aktiviti, mempengaruhi seseorang lebih daripada ibu bapa, sekolah, institusi agama dan kumpulan sosial yang lain. Ada yang sanggup menghabiskan masa berjam-jam bersama rakan-rakan kerana mereka dapat berkongsi keseronokan dalam melakukan apa-apa yang disukai. Dapatlah dikatakan bahawa rakan sebaya memberikan kesan terhadap akademik, kebebasan dan perkembangan identiti (Che Anuar Che Abdullah 2018). Dalam item D4 *saya berasa seronok dengan aktiviti usrah* yang memiliki nilai min 4.21 mencerminkan bahawa responden tidak menganggap usrah sebagai aktiviti yang membosankan. Oleh yang demikian, pihak sekolah seharusnya menggiatkan usaha menggalakkan pelajar menghadiri usrah, memberikan latihan kepada *naqib* dan mempelbagaikan pengisian usrah agar momentum ini berterusan. Usaha ini amat penting demi melestarikan usrah sebagai wadah tarbiah di peringkat sekolah. Keseimbangan aspek rohani, jasmani, emosi dan intelektual dapat membentuk pelajar yang seimbang dalam kehidupan. Penjagaan amalan solat sering dikaitkan dengan amalan yang mulia dan menjadi pengukur kejayaan pembentukan sahsiah pelajar (Mohd Khusyairie Marzuki et al. 2018). Oleh sebab yang demikian, usrah seharusnya dapat menggalakkan pelajar mendirikan solat secara berjemaah. Dalam item D1 *selepas mengikut siri usrah, saya lebih rajin menunaikan solat secara berjemaah* yang mempunyai nilai min 4.04. Solat berjemaah mampu mengukuhkan hubungan pelajar dengan Allah SWT serta hubungan dengan manusia, membentuk akhlak yang mulia seperti mengutamakan disiplin, saling mengasihi, takut melakukan dosa dan menjaga had dalam pergaulan, khususnya antara lelaki dengan perempuan (Mohd Alif Aiman Asari 2020).

## KESIMPULAN

Berdasarkan data yang dinyatakan dalam penulisan ini, ternyata usrah masih relevan sebagai wasilah mendidik pelajar. Walaupun ada banyak medium yang digunakan dalam pendidikan, namun pendekatan usrah yang menggunakan pengisian kerohanian tetap menjadi pilihan para pelajar khususnya di sekolah agama. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa usrah perlulah dijadikan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah, menggunakan modul yang khusus dilakukan secara bertahap dan mengandungi kupasan isu semasa. Usrah juga perlu dilakukan secara berasingan antara pelajar lelaki dan perempuan. Usrah yang baik dapat menjadi dorongan kepada pelajar untuk melakukan ibadah yang wajib dan sunat serta mengukuhkan silaturahim antara mereka. Pihak sekolah perlu mengambil langkah proaktif untuk menjadikan usrah sebagai aktiviti yang menarik dengan memberikan latihan kepada pemimpin usrah atau disebut sebagai *naqib/naqibah* kerana pendekatan *naqib/naqibah* yang menarik mampu menyungguhkan minat pelajar untuk menyertai usrah. Modul usrah hendaklah merangkumi topik seperti akidah, akhlak, sirah dan sebagainya. Kandungan modul tersebut juga hendaklah dibezakan antara tingkatan. Maksudnya kumpulan usrah tingkatan satu menggunakan modul yang berlainan dengan kumpulan usrah tingkatan dan seterusnya. Dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk membina dan membanyakkan modul usrah yang merangkumi topik yang selari dengan objektif KPM agar usrah sentiasa segar sebagai aktiviti pelengkap tarbiah, khususnya di sekolah.

## RUJUKAN

### *Al-Quran*

- Ala' Muhammad Abd-Nabiy. (2011). *Al-usah lada al-ikhwan wa dawruha*. <https://www.ikhwanonline.com/article/82474> [15 October 2023].
- Che Anuar Che Abdullah. (2018). *Kecenderungan tingkah laku seks berisiko remaja dengan komunikasi seksualiti dalam keluarga, pengaruh rakan sebaya, efikasi dan estim sendiri*. Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin & Amran Bakar. (2016). *Pengajaran Dan Pembelajaran Abad 21*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Fariza Md Sham & Zakaria Stapa. (2011). Metodologi dakwah kepada remaja: pendekatan psikologi dakwah. *al-Hikmah*. 3:145–66.
- Fatimah Az-Zaharah Mazlan, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi & Mahfuzah Mohammed Zabidi. (2021). Surah al-zalzalah ayat 7 dan 8 sebagai tema pendekatan motivasi Islami. *TAMU (Tinta Artikulasi Membina Ummah)*. 7 (2):78–87.
- Hasmiza Yaakob, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Abdul Rashid Abdul Aziz & Mohd Ropizam Mohamad Zainun. (2023). Masalah pembelajaran murid sekolah rendah luar bandar dalam mata pelajaran sains. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*. 8 (1):23–35.
- Idris Ahmad. (2005). *Panduan Usrah Dan Gerakan Islam*. Kuala Lumpur: Sarjana media.
- Kamus Dewan. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaled Mat. (2018). *Pelaksanaan modul sahsiah unggul murid (sumur) di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan hubungannya dengan pembangunan sahsiah pelajar*. Tesis Dr. Fal: Akademi Pengajian Islam, UM.
- Maad Ahmad, Hasliza Talib, Nurul Syafini Abd. Rahman, Muhammad Yosef Niteh & Asma' Abdul Halim. (2022). *Pengamalan konsep sadd al-zari'ah di selangor: satu analisa terhadap SOP solat jumaat ketika pandemik*. Dlm. 6<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh & International Conference, hlm. 46–456.
- Mohd Alif Aiman Asari, Rushidah Md Rosdi & Mohd Faisal Mahdi. (2020). Amalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar politeknik metro. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*. 4:73–83.
- Mohd Ismail Mustari & Salini Mohd Salleh. (2009). *Persepsi pelajar terhadap program usrah di SMKA Al- Mashoor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail. (2019). Pembentukan sahsiah pelajar dan hubungannya dengan pelaksanaan amalan solat: kajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 20 (1):.
- Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil. (2022). Dakwah melalui pendekatan usrah terhadap pembangunan insan mahasiswa. *Al-Hikmah*. 14 (1):53–69.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh. (2015). *Pelaksanaan program tarbiah dalam kalangan pelajar asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang*. Tesis Dr. Fal: Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Norafidah Gordani. (2017). *Persepsi terhadap pelaksanaan usrah dalam kalangan pelajar Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman*. UKM.

- Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Don. (2017). Sukatan usrah dalam membentuk akhlak mulia: kajian di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (satu dapatan awal). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4 (1): [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass\\_vol4bil1\\_011\\_norafidah.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass_vol4bil1_011_norafidah.pdf).
- Noraini Ismail, Mardzelah Makhsin, Afiffudin Mohammed Noor, Zuraimy Ali, Amin Che Ahmat & Umami Syarah Ismail. (2021). Keperluan pementoran kerohanian islam rakan sebaya berasaskan marhalah dakwah fardiyah di institusi pengajian tinggi: satu tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 6 (37):19–28.
- Nur Khairunnisa Hodzori, Latifah Abdul Majid & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2020). Pembudayaan positif di sekolah dalam mencegah remaja daripada berpacaran. *Sains Insani*. 5 (1):8–13.
- Nur Munirah Roslan & Mohamad Shukri Abdul Hamid. (2022). The effectiveness of co-curricular activities by integrated living skills unit in enhancing student's soft skills. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7 (4):162–72.
- Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari, Siti Norhafiza Sumadi, Nur Aqilah Salleh, Naziera Izzaty Ismail, Nurul Ain Hayati Adenan & Mohd Razimi Husin. 2019. Masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*. 2 (1):38–50.
- Saiful Bahrin Abu. (2021). Pelaksanaan usrah di sekolah KPM. *Temu Bual*
- Siti Raba'ah Hamzaha, Turiman Suandia, Azimi Hamzaha & Ezhar Tamam. (2013). Pengaruh rakan sebaya ke atas tingkah laku hedonistik belia IPT di malaysia. *Jurnal Teknologi*. 63 (1):17–23.
- Widya P.Pontoh. (2013). Peranan komunikasi interpersonal guru dalam meningkatkan pengetahuan anak. *Journal Acta Diurna*. 2 (1):1–11.
- Yunizar Ramadhani. (2021). Ideologi keagamaan, partai politik, dan pendidikan islam: refleksi pemikiran hasan al-bannadi sekolah islam terpadu ukhuwah banjarmasin. *Nalar: Jurnal Adab dan Pemikiran Islam*. 5 (1):78–92.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru pendidikan Islam zon selatan Malaysia. *TAMU (Tinta Artikulasi Membina Ummah)*. 7 (2):1–11.